



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	2/6/2019	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Selamatkan badak sumbu Sumatera

**SHAH ALAM** - Kerajaan Malaysia dan Indonesia bakal menjalinkan kerjasama bagi program pembiakan badak sumbu Sumatera.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji berkata, kerjasama itu dijangka dapat dilakukan menjelang hujung tahun ini demi menyelamatkan baka badak sumbu berkenaan daripada kepupusan.

"Hanya tinggal seekor saja lagi badak sumbu Sumatera hidup di negara ini. Jadi kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan untuk memeliharanya," katanya selepas merasmikan World International Students Public Welfare Media Art Exhibiton 2019 anjuran Kolej Damansara Utama Kampus Glenmarie di sini semalam.

Isnin lalu, badak sumbu Sumatera jantan terakhir di Malaysia mati pada usia 35 tahun akibat kegagalan organ.